

## APMM TAWAU TAHAN LELAKI TEMPATAN SELUDUP 5.7 TAN MINYAK MASAK

September 13, 2019



**TAWAU:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan seorang lelaki yang cuba menyeludup keluar 5.7 tan minyak masak untuk pasaran negara jiran, menggunakan bot jongkong melalui Sungai Melayu, semalam.

Timbalan Pengarah (Operasi), Zon Maritim Tawau, Komander Maritim Mohd Yusri Hussin berkata tindakan mencurigakan suspek tempatan berusia 19 tahun itu dikesan anggota bertugas di kawasan tanggungjawab pada 5.30 petang.

"Pemeriksaan dalam jongkong menemukan 337 kotak mengandungi minyak masak (5,729 kilogram) dianggarkan bernilai RM14,000 yang dibawa tanpa dokumen kebenaran dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)," katanya dalam sidang akhbar berkaitan rampasan itu di sini, hari ini.

Menurut Mohd Yusri, remaja berkenaan turut menyeludup empat tong gas memasak dan nilai keseluruhan rampasan berserta tiga enjin sangkut adalah RM45,000.

Mohd Yusri berkata kes berkenaan merupakan rampasan kedua terbesar direkodkan APMM membabitkan minyak masak bersubsidi bagi tahun ini.

“Kes ini akan disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961, dan kita juga berharap masyarakat dapat menjadi mata serta telinga penguat kuasa dan menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti yang menyalahi undang-undang negara,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Tawau, Yapp Kon Fatt berkata, pihaknya akan menyiasat dari segi perlesenan pembekal minyak masak berkenaan.

“Sekiranya pemilik jongkong melanggar lesen, kita akan siasat di bawah Akta Bekalan dan kita juga akan siasat dari segi pembekal minyak masak, jika berlaku salah laku dan didapati ada kesalahan, ini juga kita akan ambil tindakan,” katanya.

Menurut Yapp, KPDNHEP tidak akan berkompromi dan tindakan mahkamah akan diambil sebagai pengajaran kepada semua pihak.

“Ketirisan kerap berlaku, minyak masak bersubsidi ini adalah hak rakyat tempatan, bukan untuk diseludup keluar,” katanya.

